



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Takaful (Pindaan)1985

DR.9/1985

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Takaful 1984.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Takaful (Pindaan) 1985 dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1985.

Tajuk
ringkas
dan mula
berkuat-
kuasa.

2. Seksyen 4 Akta Takaful 1984, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan memasukkan perkataan-perkataan "dan dengan syarat bahawa perenggan ini tidaklah terpakai sehingga tertubuhnya persatuan itu" selepas perkataan "Menteri" dalam perenggan (d) subseksyen (2).

Pindaan
seksyen 4.
Akta 312.

3. Subseksyen (4) seksyen 8 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan "tidak" yang terdapat di baris 3.

Pindaan
seksyen 8.

4. Seksyen 67 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 67.

(a) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menambahkan angka "(1)" selepas sahaja angka "67."; dan

(b) dengan menambahkan subseksyen baru (2) seperti berikut:

"(2) Tanpa menyentuh keluasan subseksyen (1), untuk mengelakkan keraguan, maka adalah ditetapkan bahawa peruntukan-peruntukan Akta Insurans 1963 tidaklah

2 — RANG UNDANG-UNDANG

terpakai berhubungan dengan syarikat atau pertubuhan yang didaftarkan di bawah Akta ini dan yang menjalankan apa-apa perniagaan yang berupa perniagaan insurans mengikut erti yang sama di bawah Akta Insurans 1963, dan peruntukan-peruntukan semua undang-undang bertulis hendaklah terpakai kepada syarikat atau pertubuhan itu dan kepada perniagaan yang seperti itu seolah-olah ianya suatu syarikat atau pertubuhan yang dibenarkan oleh undang-undang untuk menjalankan perniagaan itu dan mengeluarkan apa-apa polisi atau perakuan yang dikehendaki di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubungan dengan perniagaan itu.”.

Pindaan
Jadual
Pertama.

5. Perenggan 4 Jadual Pertama kepada Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan “pusaka” di mana jua ianya terdapat dalam perenggan itu.

HURAIAN

Fasal 2 Rang Undang-Undang bertujuan meminda Akta Takaful 1984 bagi mengadakan peruntukan untuk membolehkan syarikat takaful menjalankan perniagaan takaful hingga tertubuhnya suatu pertubuhan dan *fasal 4* pula menjelaskan lagi kedudukan Akta itu bersama-sama dengan mana-mana undang-undang yang lain.

Fasal 3 dan *5* Rang Undang-Undang bertujuan membetulkan kekhilafan tipografi.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1330.]